

22/07/1998

Akhbar Cina, DAP tidak wajar kecam Indonesia

SEREMBAN, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta akhbar berbahasa Cina dan parti DAP supaya jangan menggunakan negara ini untuk mengecam Indonesia berikutan rusuhan yang berlaku di negara jiran itu, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak wajar ketika negara itu sedang berusaha memulihkan ekonominya, ada pihak di Malaysia mengecam Indonesia berikutan rusuhan yang menjadikan peniaga berketurunan Cina sebagai sasaran.

"Bukan cara begitu nak tolong orang. Cara yang baik ialah memujuk mereka mengadakan satu cara mengagihkan kekayaan negara antara semua kaum.

"Saya mintalah akhbar Cina dan DAP jangan cuba guna Malaysia untuk mengecam Indonesia kerana masalah dalaman ... ini tidak baik," katanya pada majlis pertemuan dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), ketua masyarakat/pertubuhan dan pegawai kanan kerajaan, petang ini.

Dr Mahathir berkata, rusuhan dan perbuatan memecah kedai milik peniaga Cina di Indonesia berlaku kerana perniagaan kebanyakannya berada dalam tangan orang Cina dan Indonesia tidak mempunyai Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mengagihkan kekayaan antara pribumi dan bukan pribumi.

Menurutnya, di Malaysia usaha pembetulan dijalankan bagi menghadapi kegawatan sudah mendatangkan kesan.

Perdana Menteri berkata, dulu DAP mengecam DEB tidak baik kerana kononnya ia menguntungkan orang Melayu saja, tetapi terbukti pelaksanaan dasar itu memberi kesan terhadap pengimbangan ekonomi.

"Ini menunjukkan langkah yang diambil (kerajaan) itu betul dan DEB berjaya mengurangkan jurang perbezaan antara kaum. Saya yakin penduduk keturunan Cina negara ini menghargai DEB," katanya.

Beliau berkata, segala dasar yang digubal untuk dilaksanakan untuk manfaat penduduk negara ini bukan diambil daripada orang lain kerana ia berdasarkan kepada kajian dan pendekatan sesuai dengan negara ini.

Pada sidang akhbar sebelum itu, Dr Mahathir berkata media boleh memainkan peranan utama dalam menggerakkan semula ekonomi, tetapi malangnya kadang-kadang media melaporkan perkara yang negatif.

Menurutnya, ketika kunjungannya ke Kuala Lumpur City Center (KLCC) Ahad lalu, beribu-ribu orang menikmati pelbagai kemudahan di situ dan ada yang mengucapkan terima kasih kepadanya.

"Petronas membelanjakan RM100 juta untuk kemudahan orang ramai di situ, tetapi media tidak menyatakan perkara positif mengenainya," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai beberapa perubahan di kalangan pegawai kanan beberapa akhbar tempatan baru-baru ini, beliau berkata tidak seorang pun termasuk beliau akan kekal memegang jawatan selama-lamanya kerana ada kalanya perlu berundur.

"Tetapi, saya berharap apabila saya berundur orang tidak akan membuat tafsiran luar biasa," katanya.

(END)